

Travelog Mobiliti Antarabangsa: Dari Universiti di Rimba Hijau Ke Kota Makassar

Mohamad Ghozali Hassan, Nor Azura A. Rahman, Mohd Azril Ismail & Faizal Md. Hanafiah
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

ABSTRAK

Kuliah Kerja Nyata (KKN) atau Bakti Siswa adalah satu konsep dimana aktiviti penyelidikan, pengajaran dan khidmat masyarakat dalam satu-satu masa. KKN mempunyai konsep yang hampir sama seperti program mahasiswa bersama komuniti. Pada tahun 2006 KKN telah diberi nafas baru dengan tambahan unsur 'pembelajaran pemeraksanaan masyarakat' atau PPM. Hasilnya KKN-PPM telah menjadi satu khidmat pembelajaran yang berkesan untuk mahasiswa. Bukan hanya berkembang di Indonesia, sebaliknya KKN wujud diperingkat serantau asia tenggara dan juga antarabangsa. Unit Pelaksana Teknis (UPT) Unhas memulakan langkah kerjasama bersama Universiti Utara Malaysia pada tahun 2013. Disamping itu tiga (3) universiti diperingkat serantau telah dijadikan destinasi KKN sebagai persiapan menyediakan kertas kerja pelaksanaan KKN peringkat serantau. Sembilan buah universiti anggota ASEAN telah melibatkan diri antaranya, Indonesia, Malaysia, Thailand, Burma, Kemboja, Laos, Vietnam, Singapura dan Brunei. KKN berupaya untuk membuang sikap prejudis dan stereotaip sesama anggota Asean, terutama bagi masyarakat yang mendiami di sempadan negara. Transformasi KKN yang telah mengubah lanskap ke peringkat antarabangsa ini membuka ruang untuk melahirkan pemimpin-pemimpin muda di peringkat lebih tinggi. Matlamat utama yang ingin dicapai KKN Asean adalah (1) Meningkatkan semangat persaudaraan sebagai bangsa Asia Tenggara dan merasai persaudaraan mahasiswa di seluruh Asia Tenggara, (2) Menggalakkan dan merangsang pembangunan negara di setiap negara anggota dengan memupuk motivasi masyarakat untuk turut serta dalam pembangunan melalui kerjasama dengan *ASEAN Community* (3) Meningkatkan peranan serta sumbangan universiti dan mahasiswa dalam menggalakkan Komuniti Ekonomi ASEAN (*AEC*). (4) Membangunkan wawasan, perwatakan dan kemahiran mahasiswa, (5) Mendidik jiwa dengan nilai-nilai kebersamaan, keyakinan, etika kerja dan tanggungjawab, dan (6) Sebagai medan silang budaya antara negara-negara Asia Tenggara. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) telah berkunjung ke Unhas untuk mengkaji mekanisma pelaksanaan KKN secara lebih mendalam. Unhas merupakan universiti yang aktif dalam menghantar mahasiswa ke kawasan konflik, antaranya di Pulau Miangas, Sulawesi Utara yang merupakan kawasan sempadan Indonesia-Filipina.

Kata kunci: kuliah kerja nyata, bakti siswa, *Asean Community*

PENGENALAN

Kuliah Kerja Nyata Sebagai Satu Konsep

Kuliah Kerja Nyata (KKN) adalah satu konsep pembelajaran dalam pengajian tinggi yang berkonsepkan 'Tri Dharma' iaitu satu konsep dalam pengajian tinggi yang mana pelajar perlu melakukan aktiviti berbentuk penyelidikan, pengajaran dan khidmat masyarakat dalam satu

masa. KKN mula diperkenalkan di Indonesia oleh Universitas Gajah Mada (UGM) dengan kerjasama Universitas Andalas dan Universitas Hasanuddin (UNHAS) pada tahun 1971. Pada ketika itu, KKN merupakan satu projek percubaan untuk melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dengan menggunakan pendekatan multidisiplin yang berasaskan kepada penyertaan atau penglibatan pelajar. KKN menekankan aspek pembelajaran melalui pengalaman dengan menghubungkan konsep akademik dengan kehidupan realiti manusia.

Selain daripada KKN, telah wujud konsep yang hampir sama dengan cara pembelajaran melalui pengalaman seperti '*Student Community Service*', '*Field Work Experience*', '*Service Learning Program*', '*Student Service Program*' dan '*Community Outreach Program*'. Namun begitu, keistimewaan KKN adalah terletak kepada konsep '*Tri Dharma*' seperti yang telah dijelaskan di atas. KKN dijadikan sebagai syarat penting kurikulum untuk pelajar ijazah sarjana muda atau mahasiswa. Keunikan KKN berbanding konsep-konsep yang lain juga adalah KKN menggabungkan pengetahuan teori dengan pengalaman sebenar dalam kehidupan nyata bagi membolehkan pembentukan personaliti dan membina keyakinan diri dalam kehidupan sosial mahasiswa.

Dari semasa ke semasa, KKN telah berkembang dengan baik sejak diperkenalkan melalui projek percubaan pada tahun 1971. Hasil projek tersebut telah dibincangkan bersama rektor-rektor institut pengajian tinggi yang lain di Indonesia. Hasilnya, sebanyak 13 buah universiti bersetuju untuk meneruskan KKN. Pada tahun 2006, KKN telah diberi nafas baru menjadi satu program pembelajaran yang semakin berkembang selari dengan tekanan globalisasi dalam masyarakat di Indonesia dengan tambahan unsur '*pembelajaran pemeraksanaan masyarakat*' atau PPM. Sejak dari itu, KKN-PPM menjadi satu aktiviti khidmat pembelajaran yang berkesan untuk mahasiswa.

LATARBELAKANG MASALAH

KKN Asean Tercetus Di Kedah

Idea KKN yang sangat bermanfaat untuk mahasiswa dan juga masyarakat tidak hanya diperkembang di Indonesia. Unit Pelaksana Teknis (UPT) dari UNHAS telah membuka langkah untuk mengadakan KKN diperingkat antarabangsa. Usaha KKN UNHAS untuk menempa sejarah baru dalam bidang khidmat masyarakat ini dimulakan dengan memilih kerjasama bersama Universiti Utara Malaysia (UUM). Pertemuan bersejarah pertama kali diadakan pada 5 Jun 2013 bagi membincangkan usaha murni ini di antara Ketua UPT KKN Unhas, Dr. Hasrullah dengan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Abdul Malik bin Abdul Karim. Pertemuan ini juga telah menghasilkan satu gagasan yang luar biasa iaitu membentuk KKN yang bersifat antarabangsa dalam aspek hubungan serantau dan dapat menyatukan beberapa universiti di Asia Tenggara untuk berkolaborasi dalam kerja-kerja sosial di kawasan persempadan sebagai satu bentuk usaha untuk menggalakkan semangat akademik dalam menyambut *ASEAN Community 2015 (AC15)*.

Idea yang bernas ini disampaikan oleh Dr. Hasrullah selaku Ketua Delegasi dan Penyelia Unhas. Idea ini telah mendapat sambutan yang positif dari UUM ketika beliau menghantar mahasiswa KKN Unhas ke Kedah. Malah Prof. Dr. Abdul Malik yang diiringi oleh Dr. Mohamad Ghozali sebagai Ketua Penyambutan Mahasiswa KKN Unhas memberi penghargaan yang cukup tinggi terhadap pelaksanaan KKN ASEAN yang telah dirancang

pada tahun 2014. Menurut Prof. Dr. Abdul Malik, pelaksanaan KKN yang semakin berkembang ke peringkat serantau diharapkan dapat menyumbang kepada penyelesaian pelbagai masalah yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN dan memberikan semangat baru berserta kesepakatan yang baru untuk kemajuan ASEAN.

Cetusan idea KKN ASEAN tidak dapat dipisahkan dari keserasian kerjasama antara Unhas dan UUM yang sama-sama bertanggungjawab membawa komuniti ASEAN dari sudut pandang akademik supaya KKN dapat menjadi inspirasi dan model yang ideal dalam mewujudkan persefahaman antara peserta KKN yang datang dari pelbagai negara ASEAN. Objektif lainnya, KKN ASEAN berupaya untuk mewujudkan persefahaman dalam bidang politik, ekonomi dan sosiobudaya serta menghapuskan sikap prejudis dan stereotaip di kalangan negara-negara Asean. Oleh hal yang demikian, kewujudan KKN dianggap sebagai interaksi silang budaya yang tersemat dalam kebersamaan.

Antara program yang penting untuk membina *ASEAN Community*, antaranya ialah program KKN di kawasan sempadanan. Oleh itu, Penyelia KKN mencadangkan pelaksanaan pertama KKN ASEAN adalah di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia di Pulau Sebatik. Hal ini kerana pulau ini bukan sahaja sebagai wilayah sempadan Indonesia-Malaysia tetapi juga kawasan yang perlu diberi perhatian oleh Unhas sebagaimana ianya telah ditetapkan sebagai pulau yang akan dibangunkan dari Kementerian Kelautan dan Perikanan Republik Indonesia (RI). Setelah itu, akan diteruskan di kawasan-kawasan sempadan lainnya yang melibatkan negara-negara ASEAN. Hal ini adalah kerana, kawasan sempadan merupakan salah satu tema penting yang menjadi titik kritikal dan dijangka memberi contoh atau kayu ukur dalam membina kehidupan sebagai masyarakat serumpun. Semoga gagasan yang cemerlang antara Unhas-UUM menjadi universiti perintis dalam membuktikan dan melaksanakan *University Social Responsibility (USR)*. Tahniah UPT KKN Unhas dan UUM.

OBJEKTIF

1. Meningkatkan semangat persaudaraan sebagai bangsa Asia Tenggara dan merasai persaudaraan mahasiswa di seluruh Asia Tenggara
2. Menggalakkan dan merangsang pembangunan negara di setiap negara anggota dengan memupuk motivasi masyarakat untuk turut serta dalam pembangunan yang bekerjasama dengan *ASEAN Community*.
3. Meningkatkan peranan serta sumbangan universiti dan mahasiswa dalam menggalakkan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).
4. Membangunkan wawasan, perwatakan dan kemahiran mahasiswa.
5. Mendidik jiwa dengan nilai-nilai kebersamaan, keyakinan, etika kerja dan tanggungjawab.
6. Sebagai medan silang budaya antara negara-negara Asia Tenggara.

PENDEKATAN TEORI

Malaysia Belajar KKN di Unhas

Perkembangan Program Kuliah Kerja Nyata (KKN) Antarabangsa Unhas yang meluas ke banyak negara, seperti: Jepun, Malaysia, Thailand dan Afrika Selatan telah membawa Unhas ke arah Universiti Kelas Dunia (*WCU*). Gagasan yang cukup terkedepan ini menyebabkan

pelaksanaan KKN Unhas semakin progresif dan inovatif lantas telah mendapat perhatian dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM). Dua perwakilan dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia berserta dengan wakil dari kedutaan Malaysia di Jakarta, telah berkunjung ke Unhas untuk mengkaji mekanisma pelaksanaan KKN di Unhas.

Ketiga tetamu dari negara jiran Malaysia terdiri dari Prof. Madya Dr. Sopian bin Bujang, Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Prof. Dr. Mohd Radhi Ibrahim dari Universiti Sains Islam Malaysia, dan Samsu dari Kedutaan Malaysia. Mereka disambut oleh Timbalan Rektor Kerjasama dan Inovasi Unhas, Prof Dr. Budu, PhD, dan Ketua Pengembangan dan Pengelolaan Kuliah Kerja Nyata (P2KKN) Unhas, Dr. Hasrullah, pada hari Khamis bersamaan 2 November 2017, di bilik mesyuarat Timbalan Rektor IV Bangunan Rektorat Unhas, Tingkat 6, Makassar.

Timbalan Rektor dalam penjelasannya mengatakan bahawa KKN di Unhas adalah subjek yang mesti diikuti oleh setiap mahasiswa, sehinggalah semua mahasiswa dapat mengaplikasikan KKN. Sementara itu, Ketua P2KKN Dr. Hasrullah menjelaskan bahawa KKN yang dilaksanakan oleh Unhas terdapat empat jenis, iaitu KKN Regular, KKN Tematik, KKN Kebangsaan, dan KKN Antarabangsa. Di Malaysia, menurut Prof. Madya Dr. Sopian, KKN bukanlah satu kewajipan tetapi sekadar bersifat sunat muakkad. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia ingin mengkaji secara mendalam pelaksanaan KKN di Unhas, kerana KKN di Unhas jauh lebih inovatif dan kreatif daripada universiti lain di Indonesia.

"Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia mengarahkan kami untuk mempelajari KKN di Indonesia. Tujuan kami di sini adalah untuk belajar dan mendapatkan pengetahuan mengenai pelaksanaan KKN di Unhas. Program KKN di Malaysia adalah sunat muakkad," ulang Prof Sopian.

Unhas adalah universiti ketiga yang mereka lawati untuk mendapatkan pengetahuan mengenai pelaksanaan KKN di Indonesia. Sebelum ini mereka sudah melawat Universiti Andalas di Padang dan Universiti Gadjah Mada di Yogyakarta. Mereka datang ke Indonesia untuk mempelajari pelaksanaan KKN kerana menurut pengakuan mereka, pelaksanaan KKN di Indonesia telah berkembang dan ini merupakan satu kejayaan bagi mahasiswa.

Dr. Hasrullah dalam penjelasannya menerangkan secara terperinci tentang jenis KKN yang telah dilaksanakan semasa kepimpinannya di UPT KKN Unhas yang telah berjalan selama tujuh tahun. Pada kali pertama memimpin KKN, program KKN hanyalah KKN Regular itupun para pesertanya sangat sedikit. Setelah mendalami pengurusan pelaksanaan KKN dengan menguatkan falsafah KKN sebagai satu kaedah untuk membina watak pelajar sambil memperkuatkan kerjasama dan dedikasi kepada masyarakat, maka lahirlah inovasi untuk membuka program KKN yang lebih pelbagai dan terperinci. Itulah yang kita dengar sekarang dengan nama KKN Tematik, KKN Kebangsaan, dan KKN Antarabangsa.

Unhas merupakan universiti pertama di Indonesia yang menghantar mahasiswa KKN di Daerah Poso yang merupakan kawasan konflik, di Pulau Miangas, Sulawesi Utara yang merupakan sempadan antara Indonesia-Filipina dan persempadanan kumpulan puak pemisah Abu Sayyaf, dan di Pulau Sebatik yang merupakan wilayah sempadan Indonesia-Malaysia di Kepulauan Borneo. Tambah Hasrullah, segalanya terlaksana hasil berkat bantuan dan kerjasama tentera Komando Daerah Militer (Kodam) XIV/Hasanuddin di sini. Kodam telah membantu kami di Poso, Sebatik, dan Miangas.

"Ketika pemimpin pengganas Santoso ditembak di Poso, pelajar KKN Unhas masih ada di sana. Satu perkara yang perlu diberi perhatian bahawa kebanyakan mahasiswa Unhas yang melaksanakan KKN di Poso adalah wanita. Lebih hebat lagi apabila rektor kami juga

seorang wanita yang turut melawat di kawasan Konflik Poso," kata Hasrullah dengan penuh semangat di hadapan tetamunya.

Prof. Madya Dr. Sopian dengan nada terkejut bertanya, mengapa KKN berada di kawasan konflik. "Beraninya pelajar-pelajar Unhas? Apakah contoh projek KKN di kawasan konflik itu," kata Prof. Madya Dr. Sopian. Pengelola KKN Unhas menjelaskan bahawa pelajar KKN Unhas di Poso membantu orang miskin mengubahsui rumah mereka. Dana yang digunakan adalah dari Kementerian Sosial dan Pemerintah Daerah Kabupaten Poso. Di samping itu, mahasiswa KKN Unhas juga melakukan penyembuhan trauma (*trauma healing*) yang dihadapi kanak-kanak akibat menjadi mangsa korban konflik sosial di Poso. KKN Tematik dilaksanakan berdasarkan perkongsian dengan agensi kerajaan atau pemerintah tempatan. Sebagai contoh, KKN Tematik 'Bangun Mandar' di Sulawesi Barat mendapat dana dari pemerintah provinsi Sulawesi Barat, dan KKN Tematik 'Desa Sehat' di Kabupaten Gowa yang dibiayai oleh pemerintah Kabupaten Gowa.

Unhas merupakan perintis kepada KKN Kebangsaan. Universiti yang lain mengadaptasikan model dari Unhas. KKN Unhas menggabungkan duta dari beberapa universiti untuk menyertai Unhas dan menjalankan aktiviti KKN di beberapa kawasan di Indonesia. Unhas telah menjadi perintis KKN Kebangsaan dan ini telah diadaptasi oleh Kementerian Riset, Teknologi, dan Pendidikan Tinggi Republik Indonesia.

Antara KKN Unhas yang sangat berprestij adalah KKN antarabangsa. Negara-negara yang menjadi matlamat KKN antarabangsa seperti Jepun, Malaysia, Thailand, dan sekarang akan berlaku gelombang kedua KKN antarabangsa iaitu menyelusuri jejak Syekh Jusuf di Afrika Selatan. Dr. Hasrullah merasakan ianya masih belum memadai. Sehingga kini, masih menunggu pengesahan dari Australia. Sekiranya sudah mendapat jawapan, maka pada tahun 2018 mahasiswa KKN antarabangsa Unhas akan menjejakkan kaki di benua Australia. "Kami mahu KKN Antarabangsa Unhas menembusi kesemua benua. Asia sudah wujud, Afrika sudah wujud dan Australia masih menunggu pengesahan. Kini kami sedang meneroka ke Perancis di Eropah melalui Jabatan Pelancongan. Kami juga akan terus merintis KKN Asean," kata Hasrullah. Khusus untuk KKN Asean, Dr. Hasrullah dan Prof. Madya Dr. Sopian mempunyai niat yang sama untuk merealisasikan impian ini. Kedua-duanya bersetuju untuk bertemu di Jakarta, di kemudian hari untuk membincangkannya bersama Ketua Pengarah Kementerian Riset, Teknologi, dan Pendidikan Tinggi Republik Indonesia.

METHODOLOGI

UUM menyambut baik usaha ini dan cuba menjadi perintis bersama Unhas dalam mewujudkan KKN di negara-negara ASEAN. Tambahan pula, KKN kini telah mengubah lanskapnya dengan cara mahasiswa dibawa ke peringkat antarabangsa dan berkenalan sesama mahasiswa. Hal ini dapat melahirkan pemimpin serantau dalam kalangan mahasiswa KKN. Gagasan besar ini mendapat liputan di peringkat serantau dan telah membuka mata para pemimpin mahasiswa agar dapat berinteraksi dengan lebih meluas. Transformasi KKN merupakan satu tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pemikiran dan kesedaran antarabangsa mahasiswa. Lebih penting lagi, dalam merealisasikan *ASEAN Community* ini, universiti atau ahli akademik boleh menyumbang kepada pemikiran yang meluas dan bebas dari halangan politik. KKN ASEAN adalah satu matlamat yang mulia dalam membentuk anggota negara serantau.

PERBINCANGAN

Selesai mengadakan wawancara dengan peserta KKN Asean di pejabat P2KKN Unhas, pada hari Jumaat, 19 Mei 2017, KKN Unhas mula menggiatkan lagi usahanya di peringkat antarabangsa, dengan membalas surat dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang akan membawa mahasiswa Unhas, Unifa dan UMI untuk menyertai Program Bakti Siswa Serantau yang terletak di negeri Kedah, Malaysia.

Sebagai rakan usaha sama antara Unhas-UUM yang telah dirancang selama 5 tahun, UUM tidak terlepas dari mahu menjadi tuan rumah bagi KKN ASEAN yang pertama ini. Mengapa disebut sebagai KKN Asean, kerana menurut maklumat dari pihak penganjur akan menjemput universiti dari 10 negara Asean (Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja, Myanmar, Laos, Vietnam, Filipina dan Brunei) sama ada sebagai peserta aktif mahupun peserta dalam menguruskan masyarakat setempat. Berdasarkan perancangan yang telah dibincangkan oleh kedua belah pihak, maka pelaksanaan KKN akan berlangsung pada 9 Julai sehingga 9 Ogos dengan tema; ***“International Inbound Mobility: Hand in Hand with the Asian Countries 2017.”*** Sementara itu, aktiviti yang akan dijalankan adalah Bakti Siswa yang berlangsung selama 29 hari ini telah disusun di dalam kertas kerja merangkumi kegiatan masyarakat setempat, sesi diskusi antara peserta KKN meliputi aspek; sosio budaya, masa depan ekonomi ASEAN, isu-isu persempadanan, ekonomi perniagaan, kesihatan, dan pertanian.

RUMUSAN

KKN Asean ini penting kerana ianya bukan hanya menjadi diplomasi kebudayaan dan interaksi silang budaya, tetapi manfaat yang akan diperoleh peserta KKN adalah: Pertama, sebagai mahasiswa yang berasal dari universiti akan dapat meningkatkan *international awareness* dalam kehidupan pelbagai bangsa di negara serantau. Kedua, berlaku perubahan tanggapan bahawa mahasiswa Asean mempunyai peranan strategik, terutama dalam melahirkan pemimpin muda Asean yang berkebolehan menjadi pemimpin di rantau ini. Ini bermakna, mahasiswa Asean telah mengukuhkan komunikasi dari awal dan telah mempersiapkan diri untuk menjadi pengganti pemimpin pada masa hadapan. Ketiga, falsafah KKN yang menitikberatkan pandangan antara *interdisciplinary* dan *multidisciplinary*. Dengan itu, maka diharapkan agar mahasiswa KKN Asean boleh berpandangan luas dan menyeluruh dalam menyelesaikan masalah sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan sehingga terjadi kesatuan terutamanya di kawasan sempadan yang sentiasa menjadi pencetus konflik antara negara. Keempat, wujudnya sesi perkenalan awal yang boleh memudahkan untuk berinteraksi dan berkomunikasi sehingga menimbulkan kesedaran bahawa kita berasal dari satu rumpun persaudaraan dalam ikatan hubungan serantau. Ikatan serantau ini seterusnya diharap dapat menimbulkan kesedaran untuk hidup lebih harmoni, damai dan sejahtera. Akhirnya, KKN Asean yang berperanan sebagai khidmat sosial (*social work*) diharap dapat melahirkan pemimpin muda Asean yang mempunyai visi dan misi masa depan untuk membawa negara-negara Asean ke peringkat antarabangsa. Secara khususnya, semua mahasiswa Unhas-UUM adalah yang terbaik dan boleh menjadi pemimpin akan datang yang boleh bekerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.